

22 SEP 2002  
MTUC-Sistem  
MTUC PANDANG SERIUS SISTEM "OUTSOURCING"

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) memandang serius amalan setengah syarikat mengurangkan tenaga kerja dengan memperkenalkan sistem "outsourcing".

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata sistem yang tidak ubah seperti sistem sub kontrak itu menyebabkan banyak pekerja hilang pekerjaan dan pendapatan secara tetap.

Melalui sistem "outsourcing", sebuah syarikat melangani perkhidmatan syarikat luar untuk menyediakan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan mereka, katanya.

"Pekerja tidak akan dapat menikmati faedah seperti cuti tahun, cuti sakit, cuti mingguan, perubatan, (caruman) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perkeso dan ianya sekaligus tidak menjamin masa depan pekerja," katanya kepada Bernama hari ini.

Malahan, katanya, pendapatan pekerja bergantung kepada jumlah kerja dan jumlah pembayaran yang dibayar oleh syarikat.

Beliau berkata sistem itu juga akan mewujudkan persaingan pembayaran sesuatu kerja atau kontrak yang diberi kepada mereka yang diberikan "outsourcing".

"Dasar ini tidak selaras dengan tujuan negara dan kerajaan untuk pertingkatkan kuasa belian dalaman yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Bajet 2003," katanya.

Katanya, tindakan sesetengah majikan itu menunjukkan mereka tidak menghiraukan saranan dan usaha yang telah digerakkan oleh kerajaan.

Beliau mendakwa sistem berkenaan banyak diamatkan oleh institusi perbankan dan kewangan.

"Selain dari kerenah-kerenah yang dihadapi oleh peminjam seperti peniaga-peniaga keci dan bumiputera, mereka mengenakan pelbagai syarat yang tidak dapat dipenuhi dalam masa yang sama mereka bertindak mengurangkan tenaga kerja dengan mengambil kesempatan menggunakan isu kelembapan ekonomi," katanya.

Zainal berkata telatah institusi berkenaan telah dapat dibongkar oleh Perdana Menteri dalam pembentangan belanjawan negara Jumaat lepas di mana mereka didapati memperolehi keuntungan besar bagi tahun 2001, yang berjumlah RM4.5 bilion.

"Dari kuntungan yang begitu besar, mengapa mereka bertindak mengambil kesempatan mengurangkan tenaga kerja dengan memperkenalkan outsourcing dan Skim Pemberhentian Sukarela (VSS)," katanya.

Katanya, MTUC menggesa syarikat termasuk istituti perbankan dan kewangan memberhentikan sistem "outsourcing", sebaliknya menitikberatkan usaha membangunkan industri mereka dengan mengadakan penghapusan dan pematongan cukai serta aktif dalam pembangunan sumber manusia.

-- BERNAMA  
MUN MFJ MOZ